

# Pentadbiran Anwar tak ketepikan agenda reformasi hapus rasuah

**PM perjas  
beberapa isu  
dibangkitkan  
pengacara CNN**

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali  
ajohari@bh.com.my

**New York:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, kebebasan ahli partinya sendiri mempersoalkan dasar dan tindakan kerajaan ketika ini, adalah bukti jelas bahawa pentadbiran dikedeprioritaskan tidak meninggalkan agenda reformasi yang dijanjikan.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan pengacara CNN, Christiane Amanpour, berhubung kritikan dibuat Ahli Parlimen Pasir Gudang yang juga veteran PKR, Hassan Abdul Karim, yang sebelum ini menyifatkan Anwar meninggalkan agenda reformasi mengenai usaha membanteras rasuah.

"Lihatlah dari sudut positif, seorang ahli dari parti saya sendiri menyuarakan kritikan terhadap saya, ia adalah proses yang sangat demokratik.

"Kritikannya mengenai isu itu... apa yang anda kira saya perlu lakukan? Adakah saya kemudian mengarahkan sahaja Peguam Negara supaya mengubah keputusannya?" tegas Perdana Menteri dalam wawancara itu disiarkan CNN pada jam 1 pagi semalam waktu tempatan semalam.

Terdahulu, Perdana Menteri

menyampaikan Kenyataan Malaysia di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNGA) ke-78.

Dalam temubual sama, Anwar menafikan bahawa kerajaan melakukan tindakan kekerasan terhadap pemimpin pembangkang dengan menjalankan siasatan dan mendakwa mereka di mahkamah.

Anwar berkata demikian ketika menjawab persoalan berhubung pendakwaan terhadap Pengerusi Perikatan Nasional (PN) Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor, kerana membuat kenyataan berbaur hasutan terhadap Sultan Selangor.

Perdana Menteri menegaskan, tuduhan menghasut yang dikenakan terhadap Menteri Besar Kedah itu sememangnya ada dalam peruntukan undang-undang negara.

"Bahagian (tuduhan) itu sudah ada, ia dalam peruntukan undang-undang... Jika anda lihat, terdapat kritikan terhadap perdana menteri, tetapi saya tidak mendakwa mereka kerana menghasut, malah setiap hari saya 'didera' dan tidak ada yang didakwa.

"Tetapi jika anda menyentuh mengenai Raja dan Sultan, itu kita ada undang-undang...ia tidak serius (berbanding tuduhan lase-majesty iaitu menghina Raja di Thailand) tetapi undang-undang itu ada," tegasnya.

## **Lindungi institusi**

Anwar berkata, walaupun beliau sendiri dihina setiap hari, namun tiada sesiapa yang didakwa (dengan pertuduhan menghina).

"Sistem beraja mempunyai



Anwar diwawancara Amanpour di New York yang disiarkan oleh CNN.

ikatan iaitu keperluan untuk melindungi institusi yang sudah diputuskan sejak merdeka, dan itulah sistem yang kita warisi.

"Oleh itu, apabila seseorang itu dianggap menghina Raja, dan tuduhan dikemukakan oleh Peguam Negara, itu adalah undang-undang. Sehingga kita dapat memindanya, undang-undang itu terpakai dan berterusan.

"Saya tidak boleh mengkritik pihak pendakwaan, terutamanya

apabila kita menyentuh 'mengenai soal Raja-Raja. Jika isunya ialah kritikan terhadap Perdana Menteri, dan Perdana Menteri mengambil tindakan, maka kritikan itu sah. Jika tidak, kita perlu menghadapinya," katanya.

Ketika ditanya adakah beliau merasakan (undang-undang) itu adalah betul, Anwar berkata, melainkan pindaan dibuat terhadap peruntukan berkenaan, maka boleh dipertimbangkan sama ada untuk membuat pendakwaan

atau tidak.

Amanpour sebelum itu membangkitkan keputusan Mahkamah Tinggi melepas tanpa membebaskan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, daripada 47 tuduhan rasuah dan pengubahan wang haram serta mempersoalkan mengapa kerajaan 'menutup satu bahagian' dan pada masa sama menjalankan siasatan serta pendakwaan ke atas pembangkang pula.